



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 26 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	ANWAR UCAP TAHNIAH ATAS KEJAYAAN PENGANJURAN MAHA 2024: FAHMI, UTUSAN BORNEO -ONLINE RUMAH NEGERI DI MAHA 2024 DICADANG DIKEKALKAN MENJELANG KEPENGERUSIAN ASEAN 2025, BULETIN TV3 -ONLINE TENGKU MAHKOTA KUNJUNGI PAVILION KELANTAN, BULETIN DARUL NAIM, HAKAKAH -22	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	FISHERIES DEPT TO CUT RED TAPE VIA DIGITALISATION, NATIONAL, THE SUN -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6.	MAQIS RAMPAS KELI SALAI BERKULAT, PORT DICKSON, SH -24 KELI BERKULAT CUBA MASUK MALAYSIA, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7. 8. 9. 10.	SIMPAN 1,500 TAN METRIK IKAN SEJUK BEKU, NEGARA, KOSMO -15 KILANG AIS SERBA MODEN UNTUK NELAYAN, NEGARA, KOSMO -15 STOK BEKALAN IKAN NEGARA UNTUK MUSIM TENGGUJUH MENCUKUPI, ASTRO AWANI -ONLINE LKIM SEDIA 1,500 TAN METRIK IKAN SEJUK BEKU, DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
11. 12. 13. 14. 15.	PESAWAH TANGGUNG KERUGIAN TINGGI, HAMPIR 6,000 HEKTAR SAWAH TENGGELAM, BULETIN TV3 -ONLINE 3,000 HEKTAR SAWAH DI KAWASAN MADA DILANDA BANJIR TERMENUNG, NASIONAL, BH -9 PENDANG HARDEST HIT BY FLOODS, NATION, NST -3 FLATTENED FIELD, MUKA DEPAN, THE SUN -1 6,000ha OF PADI FIELDS SUBMERGED IN KEDAH, PERLIS, MUKA DEPAN, NST -1	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
16. 17. 18. 19.	ISU CUACA EKSTREM ANTARA AGENDA SEMINAR KESELAMATAN MAKANAN KE-11, BERNAMA -ONLINE ISU BERAS TEMPATAN LEBIH SETAHUN BERLALU, KOLUMNIS, HAKAKAH -H13 FISH AND VEGETABLE PRICES REMAIN STEADY DESPITE STORMS, NATION, THE STAR -9 ABANG JO: RETURN POWER TO APPOINT FARMER'S ASSOCIATION BOARD MEMBERS, NATION, THE STAR -10	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Anwar ucap tahniah atas kejayaan pameran MAHA 2024: Fahmi



PUTRAJAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atas kejayaan pameran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024, baru-baru ini.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil (gambar) berkata perkara itu dizahirkan Perdana Menteri dalam

Mesyuarat Kabinet hari ini.

“Mesyuarat Jemaah Menteri pada hari ini telah dimulakan dengan ucapan tahniah dan terima kasih oleh Perdana Menteri kepada pasukan KPKM di atas kejayaan pelaksanaan MAHA 2024, yang telah menarik lebih 5.5 juta pengunjung dengan jualan melebihi RM48.5 juta serta nilai Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) lebih daripada RM7.2 bilion.

“Ini pencapaian yang sangat-sangat baik,” katanya dalam sidang media hari ini.

Selain itu, Fahmi yang juga Jurucakap Kerajaan Perpaduan berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, meminta beberapa pavilion rumah negeri yang dibina sekitar pekarangan kawasan MAHA dipertimbangkan untuk dikekalkan.

Fahmi berkata memandangkan Malaysia akan menjadi tuan rumah ASEAN tahun depan, maka pavilion negeri itu boleh menjadi tapak lawatan bagi delegasi yang datang ke negara ini.

“Tapi ini cadangan yang dibangkitkan, untuk maklumat lanjut boleh rujuk kepada pihak KPKM,” katanya sambil menambah Perdana Menteri sangat teruja dengan pameran dan juga kehadiran pada program MAHA tahun ini.

Dalam perkembangan lain, Fahmi berkata Mesyuarat Kabinet hari ini turut membincangkan berkenaan isu berkaitan kebajikan komuniti India.

Beliau berkata Perdana Menteri bersama Menteri Digital Gobind Singh Deo telah mengadakan pertemuan dengan sejumlah ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Senator daripada komuniti India kelmarin.

“Banyak perkara dibincangkan, antaranya isu yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri seperti peruntukan RM20 juta untuk pembinaan sejumlah krematorium di beberapa negeri dan perkara-perkara berkaitan usaha kerajaan bagi menangani masalah seperti kewarnegaraan dan isu biasiswa.

"Ada beberapa perkara lain juga dibincangkan hari ini melibatkan ketua kampung India dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming, telah diminta untuk mengeluarkan kenyataan media mengenai perkara ini," katanya. -- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

Rumah Negeri di MAHA 2024 dicadang dikekalkan menjelang Kepengerusian ASEAN 2025



PUTRAJAYA: Rumah-rumah Negeri yang dibina pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 dipertimbang untuk dikekalkan menjelang Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil berkata, cadangan itu dibangkitkan

oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dalam mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sini hari ini.

“Ada permintaan daripada Ahmad Zahid agar beberapa Rumah-rumah Negeri yang telah dibina di sekitar pekarangan kawasan MAHA itu dipertimbangkan untuk dikekalkan memandangkan Malaysia akan menjadi tuan rumah ASEAN tahun depan dan mungkin boleh menjadi tapak lawatan bagi delegasi-delegasi ASEAN untuk mereka melihat,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media mingguan pasca mesyuarat Kabinet, di sini hari ini.

Dalam mesyuarat itu, Fahmi yang juga Menteri Komunikasi menjelaskan, Perdana Menteri sangat teruja dengan penganjuran dan kehadiran pengunjung pada MAHA 2024.

Acara yang berlangsung pada 11 hingga 22 September itu menjadi ekspo pertanian terbesar yang berjaya menarik lebih 5.5 juta pengunjung dan nilai jualan langsung melebihi RM48.5 juta serta nilai Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) lebih RM7.2 bilion.

“Ini pencapaian yang sangat-sangat baik,” katanya sambil menambah Jemaah Menteri menzahirkan ucapan tahniah kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di atas kejayaan penganjuran program tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	HARAKAH	KUALA LUMPUR	22

Tengku Mahkota kunjung Pavilion Kelantan



Tengku Mahkota Kelantan meninjau pavilion Kelantan di MAHA.

KUALA LUMPUR: Pavilion Kelantan menerima sambutan luar biasa pengunjung sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA 2024) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang.

Pavilion Kelantan turut dikunjungi Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibni Almarhum Sultan Ismail Petra.

Baginda turut beramah mesra dengan usahawan

serta agensi kerajaan yang menyertai pameran tersebut.

Keberangkatan baginda disambut Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan wakil-wakil jabatan dan agensi pertanian Kelantan.

Turut berkunjung ke Pavilion Kelantan, Tengku Temenggong Perlis, Dato' Seri Diraja Syed Amir Abidin Jamalullail Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Fisheries Dept to cut red tape via digitalisation

► Use of e-services to facilitate fishing licence matters, monitoring, enforcement and data collection to help improve transparency and efficiency, says director-general

PUTRAJAYA: The Fisheries Department is accelerating the use of digital technology and automation in its administrative and operational processes, said its director-general Datuk Adnan Hussain.

He said this includes implementing e-services to facilitate fishing licence matters, monitoring and enforcement as well as data collection.

Adnan said the department would also expand digital platforms used in interaction with fishermen, aquaculture operators and the fishing industry to help improve transparency, service efficiency and reduce processing time and bureaucracy.

He said efforts to improve the department's operations are aligned with the public service reforms announced by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim during the Public Service Prime Minister's Council meeting in August.

"The department introduced a performance measurement system that focuses on results and impact, in line with the public service reform directive that aims to ensure every activity and programme implemented provides added value to the fishing industry and the communities involved," he said in an interview recently.

He added that focus would also be given to improving the skills and knowledge of the department's officers through continuous training, particularly in digital technology, data management and fisheries law enforcement.

He said customer engagement and responsiveness would be increased so that its officials can better respond to the needs of the fishing community and aquaculture operators, including adding two-way communication channels and an online complaint portal to speed up the resolution of issues.

Adnan said the department would organise more engagement sessions with the fishing community to raise awareness of the latest policies and get direct feedback.

"This is in line with the reforms that emphasise the active involvement of all stakeholders."

He said another effort to strengthen the department's management is to improve the enforcement of fisheries laws with stricter action against violations, including using technology to monitor fishing activities in real time.

"This includes mandating the installation and implementation of the Quick Response

Code on all deep sea fishing vessels from 2026. Its implementation, together with the Vessel Identification System, will help the department crack down on foreign fishermen harvesting the country's marine resources illegally, as well as local vessel cloning issues."

He said cooperation between other agencies, including the private sector and NGOs, would be strengthened to ensure the effective implementation of reforms in resource management, research and new technology development in the fisheries sector.

Adnan said the principle of performance-based rewards and a code of conduct would also be emphasised in human resource management to ensure increased productivity in the public service, Bernama reported.

He said the existing public service elements would be improved through empowerment, including resource optimisation, increased productivity, management and development of human capital, strengthening of leadership, bolstering the code of conduct and empowering service delivery.

"In addition, the implementation of the work rotation will be implemented in order to produce competent officers in all scopes of the fisheries sector.

"This is to ensure that the operations and services delivered will successfully achieve set targets."

He said forming a work culture of integrity is a priority and the Integrity Unit would email monthly infographics reminding all staff to comply with rules and codes of conduct.



Adnan said efforts to improve the Fisheries Department's operations are aligned with the public service reforms announced by Anwar recently.
— MASRY CHE ANI/THESUN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	SINAR HARIAN	PORT DICKSON	24

Maqis rampas keli salai berkulat



Pegawai Maqis menunjukkan keli salai yang dicemari kulat.

PORT DICKSON - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas enam kilogram (kg) keli salai dicemari kulat ketika cuba dibawa masuk dari negara jiran.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, pihaknya menahan kemasukan produk itu selepas pemeriksaan rutin dijalankan pegawai penguat kuasa di laluan Terminal Feri, Jeti Penumpang Port Dickson pada 19 September lalu.

"Pegawai pemeriksa bertugas memaklumkan penahanan ini susulan produk tersebut tidak mempunyai sebarang dokumen pengimportan sah seperti permit import dikeluarkan Maqis dan sijil kesihatan dari negara asal.

"Melalui pintasan secara fizikal dilakukan, keli salai ini didapati berkulat dan rosak serta mungkin berisiko kepada kesihatan individu yang memakannya," katanya pada Rabu.

Menurutnya, individu terlibat yang membawa masuk produk berkenaan diminta menyerahkannya secara sukarela dengan memasukkan

nya ke dalam tong kuarantin disediakan.

Jelasnya, tatacara pelupusan akan dilakukan mengikut kaedah ditetapkan.

"Individu ingkar boleh didakwa mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Maqis menegaskan perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian, tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, tanih dan mikro-organisma tanpa permit, lesen atau perakuan yang sah adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011," katanya.

Katanya, jika sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis sentiasa menjalankan pemeriksaan terhadap keluaran pertanian diimport bagi menjamin tiada perosak, penyakit atau bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	KOSMO	NEGARA	16

Maqis rampas 6kg keli salai ketika pemeriksaan

Keli berkulat cuba masuk Malaysia

Oleh NOR AINNA HAMZAH

PORT DICKSON - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas enam kilogram (kg) keli salai yang sudah berkulat ketika cuba dibawa masuk di laluan Terminal Feri, Jeti Penumpang Port Dickson di sini minggu lalu.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, pihaknya menahan kemasukan ikan berkenaan dari negara jiran iaitu Dumai, Indonesia selepas pemeriksaan rutin dijalankan pegawai penguat kuasa pada 19 September lalu.

"Pegawai pemeriksa yang bertugas berkata, penahanan itu dibuat susulan produk tersebut tidak mempunyai sebarang dokumen pengimportan yang sah seperti permit import yang dikeluarkan oleh Maqis dan sijil kesihatan dari negara asal.

"Selain itu, melalui pintasan secara fizikal yang dilakukan, keli salai tersebut juga didapati berkulat dan rosak dan mungkin berisiko kepada kesihatan individu yang memakannya.

"Individu yang terlibat membawa masuk produk keli salai yang tidak mempunyai permit yang sah ini diminta untuk menyerahkannya secara sukarela dengan memasukkan ke dalam quarantine bin yang disediakan dan tatacara pelupusan akan dilakukan mengikut kaedah yang ditetapkan," katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Maqis memaklumkan individu yang ingkar boleh dihadapkan prosiding undang-undang mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia



ANGGOTA Maqis merampas 6kg keli salai yang sudah berkulat ketika cuba di bawa masuk di laluan Terminal Feri, Jeti Penumpang Port Dickson minggu lalu.

2011 (Akta 728).

"Maqis menegaskan perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian, tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, tanah dan mikroorganisma tanpa permit,

lesen atau perakuan yang sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

LKIM siap sedia bagi menghadapi musim tengkujuh

Simpan 1,500 tan metrik ikan sejuk beku

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

BESUT – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah membuat persiapan menyimpan 1,500 tan metrik ikan sejuk beku sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula pada hujung bulan depan.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, simpanan tersebut merupakan stok penimbun bagi memastikan bekalan ikan sentiasa mencukupi sepanjang musim tengkujuh kelak.

"Stok-stok ikan rakyat seperti selayang, aya, selar dan kembung

itu sudah disimpan ke peti-peti sejuk persatuan nelayan kawasan (PNK) terpilih di seluruh negara.

"PNK Besut misalnya sudah memiliki 150 tan ikan sejuk beku yang akan dikeluarkan untuk dipasarkan pada musim tengkujuh ini," katanya selepas menyempurnakan majlis pecah tanah pembesaran kilang ais di Kompleks LKIM Kuala Besut di sini semalam.

Pada majlis sama, Muhammad Faiz turut menyumbang bantuan peralatan menangkap ikan kepada nelayan tempatan berke-
layakan.

Muhammad Faiz berkata, musim tengkujuh yang bakal tiba ini tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk menaikkan harga ikan di pasaran.

Jelas beliau, kekurangan bekalan ikan tidak sepatutnya menjadi isu sepanjang musim tengkujuh kerana selain stok penimbun, sebahagian nelayan terutama di Pantai Barat turut masih boleh turun ke laut.

"Syarikat-syarikat pembekal ikan turut mengeksport bekalan pada waktu itu. Sehubungan itu, bekalan ikan untuk pasaran tempatan tidak akan putus sepanjang tempoh MTL," ujarnya.



MUHAMMAD FAIZ (dua dari kanan) menyerahkan bantuan peralatan menangkap ikan kepada nelayan Besut di Kompleks LKIM Kuala Besut semalam.

Kilang ais serba moden untuk nelayan

BESUT – Isu kesukaran kira-kira 600 nelayan daerah ini untuk memperoleh bekalan ais bagi menjamin kesegaran ikan tangkapan bakal selesai dengan pembinaan sebuah kilang baharu yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun hadapan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, kilang berkapasiti 50 tan itu mampu menghasilkan 374 blok ais sehari.

"Ia merupakan tambahan kepada kilang ais sedia ada yang berkapasiti 53 tan dan mampu menghasilkan 390 blok ais sehari

yang sudah beroperasi sejak tahun 2014.

"Pembinaan kilang baharu ini bagi mengatasi rungutan nelayan tempatan sebelum ini yang tidak mendapat bekalan ais mencukupi sehingga menjejaskan kadar pendaratan ikan di daerah ini sekian lama," katanya di Kompleks LKIM Kuala Besut di sini semalam.

Muhammad Faiz berkata, pembinaan kilang ais baharu yang dijangka boleh beroperasi selewat-lewat hujung tahun depan membolehkan ia mengeluarkan keseluruhan 764

blok ais sehari.

Jelas beliau, ia menjadikan PNK Besut bakal memiliki kilang ais untuk nelayan antara terbesar dan termoden di negara ini.

"Kilang ais baharu ini akan menggunakan teknologi mesin ais blok penyejukan secara langsung yang bukan sahaja termoden malah lebih menjimatkan kos.

Muhammad Faiz berkata, kos pembinaan kilang ais baharu itu menelan belanja kira-kira RM3 juta diharapkan menjadi pemangkin pendaratan ikan lebih banyak di daerah itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Stok bekalan ikan negara untuk musim tengkujuh mencukupi



Muhammad Faiz (tiga, kiri) menyampaikan bantuan peralatan 'touch point' kepada nelayan Besut pada Majlis Pecah Tanah Kilang Air Batu PNK Besut di Kompleks LKIM pada Rabu. - Gambar Bernama

KUALA BESUT: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) meminta peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga hasil laut terutamanya ikan ketika musim Monsun Timur Laut (MTL) yang

djangka bermula November ini hingga Mac tahun depan.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, ini kerana pihaknya telah melakukan persiapan awal menyimpan stok bekalan penimbal ikan untuk keperluan pasaran.

"Kami memberi jaminan bekalan ikan negara mencukupi sepanjang tempoh itu kerana kita ada simpanan, ikan yang diimport oleh peniaga, malahan di Pantai Barat masih meneruskan aktiviti menangkap ikan.

"Kita ada stok bekalan ikan keseluruhan 1,500 tan metrik ikan sejuk beku simpanan di seluruh negara, jadi tidak ada alasan peniaga naikkan harga ikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Kilang Air Batu Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Besut di Kompleks LKIM, dekat sini, pada Rabu.

Menyentuh mengenai pembinaan kilang air batu yang kedua milik PNK Besut, Muhammad Faiz berkata, kilang bernilai RM3 juta itu akan dibina dalam masa terdekat dan dijangka siap pada akhir tahun depan.

Beliau berkata, pembinaan kilang itu adalah bagi menampung permintaan air batu yang tinggi untuk sektor perikanan di daerah Besut.

Kilang pertama milik PNK Besut yang sedia ada di dalam kompleks LKIM sekarang ini hanya mampu mengeluarkan 390 blok ais sehari, tetapi dengan adanya kilang baharu nanti, pengeluarannya akan meningkat kepada 650 hingga 764 blok sehari bagi keperluan bot nelayan dan peniaga ikan, tambah beliau.

"Kilang yang terbaru ini akan menggunakan teknologi terkini iaitu Sistem Blok Ais Penyejukan Secara Langsung yang bukan sahaja dapat menghasilkan air batu dalam tempoh lebih singkat, malah lebih selamat kerana tidak menggunakan bahan kimia.

"Pembinaan kilang air batu ini secara tidak langsung akan meningkatkan pendaratan ikan khususnya di Kuala Besut kerana sebelum ini ada rungutan daripada bot nelayan bahawa tidak cukup air batu untuk mendaratkan ikan," katanya.

Muhammad Faiz seterusnya menambah, kos pembinaan kilang itu adalah dalam bentuk pinjaman yang diberikan LKIM kepada PNK Besut dan pihaknya yakin ia dapat dijelaskan mengikut jadual berdasarkan rekod yang lepas. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

LKIM sedia 1,500 tan metrik ikan sejuk beku

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**
zaid.noor@mediamulia.com.my

BESUT: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyediakan 1,500 tan metrik ikan sejuk beku untuk menampung bekalan di pasaran seluruh negara pada musim Monsun Timur Laut tidak lama lagi.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, LKIM telah mewujudkan pusat pengumpulan stok ikan yang dilengkapi bilik sejuk beku di beberapa negeri bagi memastikan bekalan bahan mentah itu mencukupi pada musim tengkujuh itu.

Menurutnya, antara jenis ikan yang disimpan di pusat pengumpulan itu adalah seperti ikan kembung, selayang, cencaru dan tongkol yang dikenali sebagai ikan rakyat.

"Persatuan Nelayan Kuala Besut turut menyimpan 150 tan metrik ikan sejuk beku untuk menampung keperluan pada musim tengkujuh nanti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Kilang Air Batu Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Besut sempena Program Ramah Mesra Madani di Kuala Besut di sini, semalam.

Selain itu, Muhammad Faiz memberitahu, beberapa syarikat pemborong ikan juga akan mengimpor ikan dari luar negara untuk meningkatkan jumlah bekalan ikan pada musim banjir ini.



MUHAMMAD Faiz Fadzil (kanan) meletakkan batu asas sebagai simbolik perasmian Majlis Pecah Tanah Kilang Air Batu PNK Besut sempena Program Ramah Mesra Madani di Kuala Besut, Besut, semalam. - **UTUSAN/ZAID MOHD. NOOR**

"Jumlah ikan yang mencukupi di pasaran juga dapat mengelakkan berlaku kenaikan harga ikan sehingga membebankan pengguna pada musim tengkujuh," katanya.

Dalam pada itu, beliau menambah, sebuah kilang air batu baharu yang bernilai RM3 juta akan dibina di Kuala Besut.

Katanya, kilang air batu baharu yang menggunakan sistem blok ais itu dapat untuk menampung permintaan air batu kira-

kira 600 nelayan dan peniaga ikan di daerah ini.

Tambahnya, PNK Besut mempunyai kilang air batu telah beroperasi semenjak tahun 2014 dengan kapasiti 53 tan dengan pengeluaran sebanyak 390 blok sehari.

"Kedua-dua kilang ais batu itu selepas ini akan dapat menghasilkan sebanyak 764 blok air batu sehari bagi kegunaan bot-bot nelayan di daerah ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

Pesawah tanggung kerugian tinggi, hampir 6,000 hektar sawah tenggelam



ALOR SETAR: Hampir 6,000 hektar sawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ditenggelami banjir sejak minggu lalu, mengakibatkan pesawah terpaksa menanggung kerugian yang tinggi.

Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh berkata sehingga kini 3,000 hektar sawah masih tenggelam dengan 2,000 hektar adalah di daerah Pendang disebabkan banjir termenung.

Katanya, kejadian sawah dilimpahi banjir pada kali ini adalah lebih tinggi berbanding kejadian banjir 2010.

“Pada 21 September adalah hari paling kemuncak apabila 5,915 hektar sawah di Kedah dan Perlis ditenggelami air, Pendang di Zon 3 mencatatkan jumlah yang paling luas iaitu 2,481 hektar diikuti Zon 4 (1,636 hektar); Zon 2 (1,603 hektar), dan Zon 1 (82 hektar),” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Dr Ismail berkata, kejadian banjir di Pendang agak luar biasa disebabkan limpahan Sungai Pendang akibat taburan hujan yang tinggi sekali gus sungai itu kini masih dalam paras bahaya.

“Pada 2010, Pendang dilanda banjir akibat aliran air banjir yang lebih tinggi dari sungai di Kuala Nerang dan Anak Bukit ke Sungai Pendang. Namun, saya percaya kali ini, hujan luar biasa di Pendang menyebabkan Sungai Pendang melimpah.

“Saya sudah tinjau di kawasan sawah yang terjejas di Pendang kelmarin, air sudah bercampur dengan selut dan dijangka ia akan surut sepenuhnya dalam tempoh dua minggu lagi,” jelasnya.

Beliau berkata arus Sungai Pendang kini mengalir terlalu perlahan ke Sungai Kedah sebelum sampai ke laut menyebabkan Sungai Pendang masih berada pada paras bahaya manakala sungai lain sudah kembali normal.

Justeru untuk mengelak kejadian ini terus berulang, Dr Ismail menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mendalamkan dasar Sungai Pendang dan memastikan semua aliran sungai kecil dan parit yang masuk ke Sungai Pendang tidak tersumbat.

Dr Ismail berkata hasil bancian akan dihantar ke Jabatan Pertanian sebelum dibawa kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk bayaran pampasan kepada pesawah.

**“Kita akan usahakan secepat mungkin bagi meringankan beban yang ditanggung petani,”
katanya.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	9

3,000 hektar sawah di kawasan MADA dilanda banjir termenung

Pesawah tanggung rugi lebih tinggi berbanding kejadian bah pada 2010

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Kawasan sawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) seluas kira-kira 3,000 hektar di Kedah masih ditenggelami air akibat banjir termenung.

Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata hampir 2,000 hektar kawasan yang masih tenggelam itu berada di daerah Pendang.

Beliau berkata, secara keseluruhan, hampir 6,000 hektar sawah di kawasan MADA ditenggelami air banjir sejak minggu lalu menyebabkan pesawah terpaksa menanggung kerugian besar.

Katanya, kejadian sawah dilimpahi banjir kali ini lebih tinggi berbanding banjir pada 2010.

"Pada 21 September (Sabtu lalu) hari paling kemuncak apabila 5,915 hektar sawah di Kedah dan Perlis ditenggelami air. Pendang di Zon 3 mencatatkan jumlah yang paling luas iaitu 2,481 hektar diikuti Zon 4 (1,636 hektar); Zon 2 (1,603 hektar); dan Zon 1 (82 hektar)," katanya ketika dihubungi semalam.

Dr Ismail berkata, kejadian banjir di Pendang agak luar biasa disebabkan limpahan Sungai



Keadaan sawah yang dilanda banjir termenung di Kampung Alor Bereh, Pendang.

Pendang akibat taburan hujan yang tinggi sekali gus sungai itu masih dalam paras bahaya.

"Pada 2010, Pendang dilanda banjir akibat aliran air banjir yang lebih tinggi dari sungai di Kuala Nerang dan Anak Bukit ke Sungai Pendang. Namun, saya percaya kali ini, hujan luar biasa di Pendang menyebabkan Sungai Pendang melimpah.

"Saya sudah tinjau di kawasan sawah yang terjejas di Pendang kelmarin. Air sudah bercampur dengan selut dan dijangka surut sepenuhnya dalam tempoh dua minggu lagi," katanya.

Arus sungai perlahan

Beliau berkata, arus Sungai Pendang kini mengalir terlalu perlahan ke Sungai Kedah sebelum sampai ke laut menyebabkan

Sungai Pendang masih berada pada paras bahaya, manakala sungai lain sudah kembali normal.

Untuk mengelak kejadian berulang, Dr Ismail menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendalamkan dasar Sungai Pendang dan memastikan semua aliran sungai kecil dan parit yang masuk ke Sungai Pendang tidak tersumbat.

"Kita sedih dengan kejadian kali ini kerana petani akan rugi teruk. MADA masih lagi menjalankan bantuan terperinci nilai kerugian yang ditanggung pesawah.

"Hanya 12 peratus sawah di Pendang yang berjaya dituai sebelum banjir melanda. Mereka sepatutnya dapat hasil seminggu dua lagi tapi sekarang semuanya

musnah," katanya.

Dr Ismail berkata, hasil bantuan akan dihantar ke Jabatan Pertanian sebelum dibawa kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk

pertimbangan bayaran pampasan kepada pesawah.

"Kita akan usahakan secepat mungkin bagi meringankan beban ditanggung petani," katanya.

Kejadian banjir di Pendang agak luar biasa disebabkan limpahan Sungai Pendang akibat taburan hujan yang tinggi sekali gus sungai itu masih dalam paras bahaya. Air sudah bercampur dengan selut dan dijangka surut sepenuhnya tempoh dua minggu lagi.



Ismail Salleh, Pengerusi MADA



Yaakob Ahmad menunjukkan padinya yang ditenggelami banjir di Kampung Alor Puduk, Pendang, semalam.



Solehah Mustaffa menunjukkan sawah padinya yang rosak akibat banjir di Kampung Alor Bereh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	NST	NATION	3

PADI FIELDS SUBMERGED

Pendang hardest hit by floods

ALOR STAR: Nearly 6,000ha of padi fields under the purview of the Muda Agriculture Development Authority (Mada) in Kedah and Perlis were submerged by last week's floods.

Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh said Pendang was the hardest hit district, with the losses from the affected padi fields surpassing that recorded during the 2010 major floods in Kedah.

"Our data showed that Sept 21 was the peak day, with 5,915ha of padi fields under Mada purview in both states submerged.

"Pendang, which falls under Zone 3, is the worst affected with 2,481ha of padi fields submerged, followed by Zone 4 with 1,636ha, Zone 2 with 1,603ha, and Zone 1 with 82ha."

Mada oversees over 100,000 padi fields in Kedah and Perlis, with Kedah supplying more than 40 per cent of the domestic demand for rice.

He said up to Tuesday — the ninth day since flooding hit — more than 3,000ha of padi fields

in Kedah were still submerged, with 2,000ha located in Pendang.

"In 2010, Pendang was flooded because of a higher volume of floodwaters from rivers in Kuala Nerang and Anak Bukit to Sungai Pendang.

"However, I believe this time, the unusual amount of rainfall in Pendang itself has caused Sungai Pendang to breach its banks."

Ismail, who visited the affected padi fields on Tuesday, said the floodwaters in Pendang had become stagnant, which might take up to two weeks to fully recede.

"The Sungai Pendang river current is too slow to flow down to Sungai Kedah, before reaching the sea.

"That should explain why Sungai Pendang is the only river in Kedah still at its dangerous water level."

Ismail urged the Drainage and Irrigation Department to deepen the Sungai Pendang riverbed and ensure all river streams and canals flowing into Sungai Pen-

dang were free from clogging to prevent the disaster from recurring.

He said Mada was carrying out a detailed assessment on losses suffered by the farmers.

"Only 12 per cent of the total padi fields in Pendang managed to be harvested before the floods hit.

"Just imagine, the farmers were just between one or two weeks away from harvesting their precious crop. Now, they are completely wiped out."

He added that the agency would forward the findings from the assessment to the Agriculture Department.

"The Agriculture and Food Security Ministry will then approve the compensation amount to be paid to the affected farmers.

"We will do our best to expedite the compensation payout process to ease the burden suffered by our farmers."

Page 1 pic: The padi fields in Kampung Alor Bereh, Pendang, after nearly a week of flooding.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	THE SUN	MUKA DEPAN	1



FLATTENED FIELD. ... A padi farmer examining his crops that suffered massive damage after a storm swept through Kampung Pekan Darat in Butterworth. —MASRY CHE ANI/THESUN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2024	NST	MUKA DEPAN	1





Malay



AM > BERITA

Isu Cuaca Ekstrem Antara Agenda Seminar Keselamatan Makanan Ke-11

🕒 25/09/2024 10:27 PM



Kredit foto: Agensi Nuklear Malaysia

JOHOR BAHRU, 25 Sept (Bernama) -- Isu cuaca ekstrem, peningkatan suhu global dan perubahan taburan hujan diangkat sebagai agenda utama Seminar Keselamatan Makanan kali ke-11 anjuran Agensi Nuklear Malaysia di sini hari ini.

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Dr Rosli Darmawan berkata seminar bertemakan 'Mencapai Kelestarian Makanan di Era Perubahan Iklim' itu diadakan untuk membincangkan pelbagai topik berkaitan fenomena yang menyebabkan gangguan besar terhadap pertanian dan pengeluaran makanan.

Beliau berkata antara topik yang dibincang ialah keselamatan makanan, pengurusan kualiti, aspek halal, undang-undang, teknologi pemprosesan, analisis serta masa depan industri bagi meningkatkan kefahaman dan memperkukuh daya tahan sektor makanan negara.





"Kombinasi teknologi nuklear, dasar yang kukuh dan inovasi dalam pertanian adalah kunci untuk mencapai kelestarian makanan walaupun di tengah-tengah cabaran perubahan iklim yang semakin kritikal," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Rosli berkata inisiatif Atoms4Food, yang disokong oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa, membuka peluang bagi memperkukuh keselamatan makanan bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat global.

Beliau berkata berdasarkan trend amalan dan penggunaan semasa pengeluaran pertanian dijangka meningkat kira-kira 70 peratus pada 2050 dan bagi memenuhi permintaan itu, Malaysia perlu memperkukuh infrastrukturnya dengan mengetengahkan teknik nuklear yang inovatif.



"Ia seperti pembiakan mutasi tumbuhan untuk menghasilkan varieti tanaman baharu yang lebih baik serta penanda molekul untuk perincian makanan dan pemantauan terperinci keadaan tanah serta alam sekitar yang terjejas akibat perubahan iklim.

"Selain itu, teknik serangga mandul digunakan untuk mengawal perosak seperti lalat buah sementara isotop turut membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Gabungan teknologi ini memastikan sektor pertanian lebih berdaya tahan terhadap perubahan iklim," katanya.

Seminar kali ini dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian (MARDI) serta Universiti Kebangsaan Malaysia selain pihak industri yang diwakili Farm Fresh Milk Sdn Bhd.

Rosli juga berkata Agensi Nuklear Malaysia komited untuk mengarusperdanakan teknologi nuklear dalam sektor pertanian Malaysia sekali gus memperkasa daya tahan sektor makanan negara bagi mendepani cabaran perubahan iklim yang semakin kompleks.

-- BERNAMA

Isu beras tempatan lebih setahun berlalu

Oghe Kito

Lan Jusoh



SEHINGGA sekarang lebih setahun isu kehilangan beras tempatan di pasaran belum terjawab. Kehilangan itu seiring dengan kenaikan harga beras bermula 4 September 2023.

Cuba bayangkan beras super 5 peratus 10 kilogram jenama Anggur Biru pada 3 September 2023 berharga RM27.50, namun sehari kemudian meningkat kepada RM36.

Ini bermakna berlaku kenaikan RM8.50 sen. Kenaikan bagi setiap kilogram 85 sen. Sedangkan harga lama bagi setiap kilogram ialah RM2.75. Dan sekarang RM3.60 sekg.

Kenaikan harga itu bagi golongan marhaen dianggap sebagai kayangan. Itu belum lagi diambil kita beras Wangi Special (10 kg) sekarang RM41, sedangkan sebelum itu RM38.

Inilah kepelikan yang dibiarkan lama berlaku di era Madani. *Oghe Kito* heleng kepala... mana madani-nya isu beras tempatan pun tidak boleh selesai.

Peliknya bukan sebulan, sebaliknya isu tersebut sudah berlarutan lebih setahun. *Oghe Kito* bimbang ia berlarutan sehingga Pilihan Raya Umum (PRU) ke-16.

Sekarang usia kerajaan Madani hampir melewati dua tahun. Bakinya pada kiraan di atas kertas ada tiga tahun lagi. Ini bermakna isu beras tempatan akan berlarutan sehingga tiga tahun lagi.

Janji

Apa nak jadi. Sedangkan pada 2 Oktober 2023 Perdana Menteri dilaporkan berkata, kerajaan tidak berpeluk tubuh bagi menyelesaikan isu kekurangan bekalan beras di negara ini.

"Kerajaan prihatin isu semasa khususnya apabila rakyat mahu mendapat bekalan beras putih tempatan dan beras putih import," kata Anwar Ibrahim.

Kerajaan juga mewujudkan Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup. Malah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pernah mengumumkan kategori tunggal beras putih dikenali sebagai Beras Putih Malaysia Madani.

Beras itu disebut pengerusinya, Syed Abu Hussin Hafiz dijual pada harga RM30 untuk 10 kg. Beras terbabit diuar-uarkan akan berada di pasaran 19 Februari 2024.

Kata ahli parlimen Bebas Bukit Gantang terbabit, pengguna boleh mendapatkan Beras Putih Malaysia Madani di pasaran mulai 1 Mac 2024.

Betul ke. Sekarang sudah menghampiri Oktober, bermakna hampir tujuh bulan berlalu.

Mana NACCOL

Apakah Beras Putih Malaysia Madani melimpah di pasar raya? Elok Pengerusi NACCOL jawab. Cuma *Oghe Kito* bimbang, NACCOL pun sudah tidak wujud lagi sekarang.

Malah pada 16 Februari lepas media melaporkan beras putih tempatan tiada di pasar raya menyebabkan ramai pelanggan terpaksa membeli beras putih import dengan harga mahal.

Beras import dilaporkan dijual dengan harga RM71 untuk 10 kg. Antara jenama beras putih super import termasuk Birds of Paradise, Jasmine Super 5 Special, Sakura, Hayati, Merbok dan Nagasari.

Kegagalan menyelesaikan keperluan asas menyebabkan kerajaan Madani semakin tidak popular.

Kerisauan pengguna juga dapat dilihat apabila ramai menyerbu Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 di Serdang baru-baru ini.

Seorang peniaga dilaporkan memberitahu kira-kira 1,300 kimpit dijual setiap hari di MAHA. Pengguna hanya dibenar membeli dua kimpit sahaja.

Beras itu dijual pada harga RM26 bagi 10 kg dan RM13 untuk 5 kg. Seorang pengunjung memberitahu beliau datang ke MAHA hanya untuk mencari beras tempatan.

Apa solusi kerajaan Madani. Pada 15 Julai 2023 Perdana Menteri dilaporkan berkata, kerajaan memerlukan RM3 bilion bagi menyediakan infrastruktur sawah di seluruh negara.

Peruntukan itu bagi menaik taraf jalan ladang, tali air dan saliran. Dan hari ini selepas lebih setahun berlalu di mana projek tersebut.

Begitu juga rungutan pesawah di Kelantan. Mereka menuntut janji kerajaan Madani menyediakan pam berkuasa tinggi bernilai RM20 juta bagi mengairi sawah. Apa ceritanya sekarang.

Fish and vegetable prices remain steady despite storms

GEORGE TOWN: Prices of seafood and vegetables in the wet markets have remained stable despite the thunderstorms and adverse weather conditions experienced last week.

Although fishermen faced a notable decline in catches, the overall impact on prices has been mitigated by reduced demand.

Fishmonger Jordan Tan, 30, said there was a 40% drop in supply from inshore fishermen because it was too dangerous to go out to sea during the windy conditions.

"Prawns and various types of fish are in shorter supply as many fishermen are waiting for improved weather conditions.

"However, with the continuous rain, fewer customers are coming

out, and this has helped balance the reduced supply," said Tan who sells fish and other sea produce at Cecil Street Market.

Another fishmonger Chng Beng Khoon, 38, shared a similar situation with a 30% decrease in supply from places like Teluk Kumbar, Teluk Bahang, Kuala Kurau and Tanjung Piai.

"Luckily, I still have stock and the storms cleared up within a week.

"Fishermen are now returning to the sea, so we did not face any significant shortages or price increase," he said.

While local vegetable prices remained unaffected, traders say there were price hikes in imported vegetables from Thailand and China, which were hit by severe flooding.

"The price of coriander skyrocketed by 300%, and cauliflower doubled from RM6 per kg to RM12.

"It became so costly that I stopped importing them, as customers would not be willing to pay such prices," said a vegetable seller known as Ah Loong, 70.

Another trader Muhammad Hakimi Idrus, 45, said the cost of broccoli from China increased by around 30%, rising from RM10 to RM13 per kg.

"Almost all of my vegetables are sourced locally, from areas like Bukit Mertajam and nearby states, and their prices haven't been affected by the storms.

"The sunny days after the rain have helped to ensure supply was adequate," he said.

Cameron Highlands Vegetable Growers Association deputy president Lau Weng Soow said that despite the poor weather that caused some damage to highland farms, the overall impact was minimal.

"Most of our vegetables are grown in greenhouses, which offer protection from the elements.

"Over 100 farms reported damage, primarily tears in the plastic sheets covering the greenhouses," he said.

"A few farms saw some damage to their crops, but the quick improvement in the weather meant there was no lasting impact.

"Prices and supplies have remained steady," he said.

Checks with suppliers, such as those in Pulau Mutiara Wholesale Market, found that the situation has remained the same, with prices of local produce being stable and transportation unaffected.

Severe storms and floods have recently struck China and Thailand, causing widespread damage and disrupting local agriculture.

In China, heavy rainfall led to flooding in several provinces, affecting homes and farmlands, while in Thailand, monsoon rains triggered flash floods, particularly in northern and central regions. Both countries are facing significant challenges in food production, especially in vegetable farming, resulting in rising prices for exports.

Abang Jo: Return power to appoint farmers' association board members

KOTA SAMARAHAN: The power to appoint board members of the State Farmers' Association (PPN) and Area Farmers' Associations (PPK) should be returned to the state government, says the Sarawak Premier.

Tan Sri Abang Johari Tun Openg (*pic*) said besides fulfilling the requirements of the Malaysia Agreement 1963 (MA63), doing so would help expedite the development of the agricultural sector in Sarawak.

Speaking at the inauguration ceremony of the Sarawak PPN Building here yesterday, he said the Federal Government had

already delegated the authority to appoint the board of the Sarawak Fishermen's Association to the state.

"If the fishermen's association has been given the authority, then grant the same powers to the farmers' associations too," he said, Bernama reported.

He said Sarawak's Food Industry, Commodities and Regional Development Minister Datuk Seri Dr Stephen Rundi will discuss the matter with state Attorney General Datuk Saferi Ali before presenting it to the Federal Government.

At the event, Sarawak PPN

chairman Datuk Dr Abdul Rahman Ismail said previously, the Sarawak Agriculture Minister had the authority to appoint board members of PPN and PPK.

He said this authority was revoked in 2018 and transferred to the Federal Agriculture Minister, despite agriculture placed under the state in the Federal Constitution.

"In the spirit of MA63 and the unity government, the power to appoint board members should be returned to the state minister so that the PPN and PPK administrations in Sarawak can be aligned with the policies and direction of



the state government," he said.

He added that the power transfer would help realise Sarawak's vision to become a net exporter of food-based products and raise the income of farming families to at least RM6,000 per month by 2030.